

Headline	Polis minta saksi kes langgar lari tampil beri maklumat		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	27 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	238,082	Readership	833,287
Section	News	Color	Black/white
Page No	27	ArticleSize	89 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 539	PR Value	RM 1,618



## Polis minta saksi kes langgar lari tampil beri maklumat

ALOR SETAR 26 Dis. - Saksi yang mempunyai maklumat berhubung kemalangan mauf melibatkan seorang pembantu gerai makan Universiti Utara Malaysia (UUM), Mohd. Malik Samsudin, 30, di Kilometer 22.5, Lebuhraya Utara Selatan menghala Changlun dekat sini pagi kelmarin diminta tampil memberikan maklumat.

Pegawai Penyiasat Trafik, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kubang Pasu, S. Ragu berkata, polis menerima maklumat ber-

hubung penemuan mayat seorang lelaki di tepi lebuhraya berdekatan kilang Gano Excel dari arah Jitra ke Changlun daripada orang awam yang melalui kawasan itu kira-kira pukul 7.45 pagi.

Menurutnya, sebuah motosikal jenis skuter Yamaha Ego bernombor pendaftaran RK 6913 turut ditemui berdekatan mangsa.

Dalam kes berasingan, Ragu turut meminta bantuan orang ramai menyalurkan maklumat berhubung satu lagi kemala-

ngan maut di Kilometer 23.1 dari arah Changlun ke Jitra pada 4 Disember lalu.

Kemalangan itu melibatkan seorang pekerja sebuah kilang pengeluar makanan, Mohd Iswandi Ishak, 22.

Tambah Ragu, kedua-dua kejadian tersebut adalah kes langgar lari dan sesiapa yang mempunyai maklumat tentang kejadian tersebut diharap dapat menghubungi Bahagian Trafik IPD Kubang Pasu di talian 04-9172222 atau menerusi telefon bimbitnya iaitu 013-5201383.